



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB. KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS PERASMIAN MEDAN SELERA LABUAN
TAHUN 2019**

PADA
27 APRIL 2019 (SABTU) JAM 4.00 PETANG

DI
MEDAN SELERA LABUAN

(SALUTASI)

DATUK SERI, DATUK-DATUK, TUAN-TUAN, PUAN-PUAN DAN SETERUSNYA HADIRAN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM
WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

WARAHMATULLAHI

1. ALHAMDULILLAH, TERLEBIH DAHULU, MARILAH KITA BERSAMA SAMA MEMANJATKAN KESYUKURAN KEPADA ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN RAHMATNYA KITA DIBERI KESEMPATAN UNTUK BERHIMPUN PADA PETANG YANG SUNGGUH BERMAKNA INI.
2. PERTAMA SEKALI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PERBADANAN LABUAN DI ATAS JEMPUTAN UNTUK MERASMIKAN MAJLIS PERASMIAH MEDAN SELERA LABUAN YANG BAHRUINI. MEDAN SELERA LABUANINI MERUPAKAN SALAH SATU PROJEK DI BAWAH PERBADANAN LABUAN.
3. PEMBANGUNAN PROJEK BANGUNAN MEDAN SELERA BAHRU YANG BERKELUASAN 3,034 HEKTAR YANG TERLETAK DI JALAN TANJUNG PURUN TELAH DIBINA PADA 02 FEBRUARI 2017 DAN SIAP SEPENUHNYA PADA 19 JANUARI 2018 YANG LALU DENGAN KOS KESELURUHAN PROJEK ADALAH SEBANYAK RM 13 JUTA.

4. PEMBINAAN MEDAN SELERAINI MERANGKUMI 50 UNIT GERAI YANG DILENGKAPI DENGAN 250 TEMPAT LETAK KERETA, 50 LOT MOTOSIKAL SERTA PARKIR BAS PERSIARAN. SELAIN DARIPADA ITU, ANTARA KEMUDAHAN LAIN YANG TERDAPAT DI MEDAN SELERAINI IALAH SEPERTI KEMUDAHAN SURAU, TANDAS AWAM DAN TAMAN MINI PERMAINAN KANAK-KANAK UNTUK DINIKMATI OLEH PENGUNJUNG YANG DATANG. SEBAGAI KESIMPULANNYA SEMUA YANG DIPERLUKAN TERDAPAT DI DALAM SATU KAWASAN MEDAN SELERAINI.INI JUGA MENUNJUKKAN PERANCANGAN KEPADA PEMBANGUNANINI ADALAH TURUT MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN DAN KESELESAAN PENGUNJUNG.

5. MEDAN SELERAINI TURUT MENAWARKAN KEMUDAHAN YANG SELESA UNTUK PENGUNJUNG DENGAN KEUNIKAN REKABENTUKNYA TERSENDIRI. MUNGKIN RAMAI YANG MASIH KURANG MAKLUM TENTANG REKAAN 3 BUMBUNG BERBENTUK DAUN YANG DIBINA ITU SEBENARNYA ADALAH SIMBOLIK KEPADA GABUNGAN 3 WILAYAH IAITU WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, LABUAN DAN PUTRAJAYA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

6. ANTARA OBJEKTIF PEMBINAAN MEDAN SELERA LABUANINI ADALAH BAGI MENYEDIAKAN SATU PERSEKITARAN MEDAN SELERA YANG LENGKAP DAN SELESA KEPADA PENGUNJUNG DAN PELANCONG. SELAIN ITU, KERAJAAN

AMAT BERHARAP AGAR PENIAGA-PENIAGA KECIL DI WP LABUAN DAPAT MENAMBAH DAN MENINGKATKAN PENDAPATAN EKONOMI MELALUI KUTIPAN HASIL PERNIAGAAN MAKANAN DAN MINUMAN YANG DIJUAL DI MEDAN SELERA INI.

7. BANGUNANINI JUGA DILIHAT SEBAGAI SALAH SATU ALTERNATIF BAGI MENINGKATKAN DAYA TARIKAN PELANCONG BAIK DARI DALAM MAUPUN LUAR NEGARA DENGAN REKABENTUK SERTA FASILITI YANG CUKUP BAIK DAN SELESA. SAYA TURUT DIFAHAMKAN PELBAGAI MENU PILIHAN DISEDIAKAN UNTUK PENGUNJUNG DAN PELANCONG DARIPADA MAKANAN MELAYU SEHINGGA LAH MAKANAN BARAT TURUT DIJUAL OLEH PENIAGA DI MEDAN SELERA INI. KEPELBAGAIAN VARIASI MAKANANINI SUDAH PASTINYA MAMPU MENARIK PENGUNJUNG DAN PELANCONG UNTUK BERSANTAI SAMBIL MENIKMATIJUADAH YANG DISEDIAKAN.

HADIRIN HADIRAT YANG SAYA KASIHISEKALIAN,

8. UNTUK MAKLUMAN, BANGUNAN MEDAN SELERA INI SEBENARNYA TELAH MULA BEROPERASI PADA 1 APRIL 2018 YANG LALU DAN MULA DIBUKA KEPADA ORANG AWAM. SEPANJANG PEMBUKAAN MEDAN SELERA BAHARUINI, SEGALA KEMUDAHANINI TURUT DIGUNAKAN UNTUK PENGANJURAN MAJLIS-MAJLIS RASMI AGENSI KERAJAAN DAN BEGITU JUGA AGENSI SWASTA DAN NGO YANG TURUT SAMA MEMBANTU

MEMERIAHKAN MEDAN SELERAINI. PENGANJURAN MAJLIS/PROGRAMINI SANGAT MENDAPAT SAMBUTANYANG BAIK DAN INI SECARA TIDAK LANGSUNG MEMBANTU MENINGKATKAN PENDAPATAN PARA PENIAGA.

9. DALAM KONTEKSINI, KERAJAAN JUGA AKAN SENTIASA BERUSAHA MELAKUKAN PENAMBAHBAIKAN YANG POSITIF DALAM MEMASTIKAN MEDAN SELERA YANG DIBINA ADALAH MEMENUHI KEPERLUAN SEMASA RAKYAT DI PULAUINI. APA YANG PENTING KEMUDAHAN YANG DISEDIAKANINI JUGA PERLU DIMANFAATKAN SEPENUHNYA OLEH PARA PENIAGA DAN JUGA PENGUNJUNG DALAM MEMASTIKAN ASET YANG DIBANGUNKANI TERUS DAPAT DIMANFAATKAN DALAM TEMPOH YANG LAMA OLEH KOMUNITI DI PULAU LABUANINI.
10. AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN MAJLIS PERASMIAN MEDAN SELERA LABUAN YANG BAHRU PADA HARIINI. JUGA TIDAK DILUPAKAN, SEKALUNG PENGHARGAAN KEPADA RAKYAT LABUAN YANG SENTIASA MEMBERIKAN SOKONGAN KEPADA PEMBANGUNAN YANG DILAKSANAKAN OLEH PIHAK KERAJAANINI. SEMOGA WARGA LABUAN TERUS MEMBERIKAN SOKONGAN KEPADA USAHA MURNI KERAJAAN UNTUK TERUS MENYEDIAKAN PRASARANA DAN MEMBANTU MENINGKATKAN EKONOMI KOMUNITI SETEMPAT.

**11. DENGAN LAFAZ BISMILLAHHIRAHMANIRRAHIM,
SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN MEDAN
SELERA LABUAN.**

SEKIAN, WABILLAHİ TAUFİK WALHİDAYAH,
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHİ WABARAKATUH.
TERIMA KASIH